

Masa di bawah klausa 43<sup>21</sup> dan peruntukan tersebut hendaklah dipatuhi sepenuhnya.

12.7.6 Kontraktor tidak layak diberi Lanjutan Masa sekiranya penggantungan kerja disebabkan oleh kesalahan Kontraktor sendiri, dan ia tidak akan dipertimbangkan untuk pembayaran ke atas perbelanjaan dan kerugian jika kontraktor :

- (b) Gagal untuk mengambil langkah-langkah yang ditetapkan di dalam klausa 50.1(b)<sup>22</sup>; dan
- (c) Gagal untuk mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengurangkan perbelanjaan yang terlibat.

12.7.7 Dalam keadaan dimana penggantungan berterusan sehingga melebihi tempoh 12 bulan, pihak-pihak yang terlibat hendaklah berbincang samada untuk menamatkan kontrak secara Penamatan Bersama atau melanjutkan tempoh penggantungan kerja.

12.7.8 Sekiranya kedua-dua pihak bersetuju untuk melaksanakan penamatan bersama di bawah klausa ini:

- (ii) Klausa 51.1(c)(i)<sup>23</sup> hendaklah digunakan; dan
- (iii) Obligasi bayaran termasuk semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh kontraktor hendaklah ditentukan sebagaimana yang diperuntukan di bawah klausa 54<sup>24</sup>.

## 12.8 Penamatan Untuk Kepentingan Negara

12.8.1 Sekiranya Kerajaan merasakan penamatan ini perlu demi kepentingan negara, polisi negara, atau keselamatan negara, Kerajaan boleh menamatkan Kontrak dengan memberikan notis bertulis kepada Kontraktor tidak kurang daripada 30 hari dari tarikh Kontrak yang akan ditamatkan.

---

<sup>21</sup> P.W.D Form 203/203A (Rev. 2007) – Delay And Extension Of Time

<sup>22</sup> P.W.D Form 203/203A (Rev. 2007) – Suspension And Resumption of Works

<sup>23</sup> P.W.D Form 203/203A (Rev. 2007) – Consequences of Termination

<sup>24</sup> P.W.D Form 203/203A (Rev. 2007) – Payment Upon Termination